

# Tidak ada permohonan Chin Peng pulang — KDN

UM 27 SEP 2003

PETALING JAYA 26 Sept. — Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak menerima permohonan daripada bekas Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng untuk pulang ke Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, beliau bagaimanapun ada mendengar desas-desus bahawa Chin Peng berhasrat untuk pulang ke negara ini.

“Setahu saya tidak ada permohonan dibuat kepada KDN tetapi kalau dibuat kepada kementerian atau agensi-agensi lain, itu saya tidak tau.

“Kalau Chin Peng benar-benar hendak balik atau melawat negara ini, beliau boleh mengemukakan permohonan kepada KDN,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan

Ke-15 Majlis ASEAN Bagi Alumni Jepun di sini hari ini.

Chee Heung diminta mengulas kenyataan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kelmarin yang meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membenarkan Chin Peng kembali ke Malaysia kerana ia merupakan satu dari tugas yang belum diselesaikan oleh Dr. Mahathir sebelum beliau bersara pada Oktober ini.

Beliau memberitahu, keputusan untuk membenarkan Chin Peng balik atau tidak terpulang kepada Dr. Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kata Kit Siang, dua orang anak Chin Peng tinggal di negara ini.

Chin Peng pada masa ini tinggal di Thailand dan telah menulis sebuah memoir mengenai perjuangan beliau selama 12 menentang penjajahan Inggeris iaitu *Chin Peng: My Side of The Story*.

KDN tidak mengharamkan penjualan buku itu yang berkisar kepada penglibatan Chin Peng dalam PKM yang telah melantiknya sebagai Setiausaha Agung ketika berusia 23 tahun.

Chin Peng yang kini berusia 79 tahun menyatakan hasratnya untuk kembali ke kampung halamannya di Sitiawan, Perak untuk memberi penghormatan kepada kubur keluarganya.

Dalam buku tersebut, bekas Setiausaha Agung PKM itu mengakui bahawa ideologinya tidak sesuai lagi.

“Ini memandangkan rakyat negara ini yang telah kenal dengan kerajaan yang stabil dan tinggal dalam sebuah negara yang merdeka akan mendapati pilihan yang saya buat semasa remaja amat membingungkan.

“Apa yang diceritakan dalam buku ini mengenai Malaya adalah sesuatu yang berlainan sama sekali dengan Malaysia sekarang,” tulisnya dalam buku tersebut.